


PPBM sokong etnik KDM anggotai Majlis Penasihat Perbadanan Labuan



JEROME

Oleh Henry Bating

LABUAN: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) WP Labuan menyokong penuh semakan semula terhadap komposisi Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan yang dikatakan tidak menggambarkan perwakilan masyarakat niaga dan penduduk pulau ini.

Ahli Jawatankuasa Bahagian PPBM Labuan Jerome Mijin berkata, pihaknya juga telah menyuarakan tentang cadangan perkara ini kepada Ketua Bahagian PPBM Datuk Suhaili Abdul Rahman untuk memberi ruang etnik KDM di Labuan mengang-

gotai senarai Ahli Majlis penasihat.

"Kita perlu mengambil kira perwakilan semua parti sekutu Perikatan Nasional (PN) termasuk kepelbagaian etnik yang ada di Labuan," katanya yang juga Ketua Cawangan PPBM Victoria Selatan.

Jerome berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Naib Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Peter Mak yang menyifatkan Ahli Majlis Penasihat Perbadanan Labuan yang baru mengangkat sumpah tidak mencerminkan representasi etnik masyarakat niaga dan politik di sini.

Jerome menegaskan, tiada sebab mengapa wakil dari etnik Kadazan Dusun Murut (KDM) dipinggirkan dari menganggotai majlis itu kerana sebelum PRU14 etnik berkenaan mempunyai wakil selama tiga penggal berturut-turut.

Jelasnya, seharusnya tiada parti politik sekutu PN di peringkat Persekutuan dan Gabungan Rakyat Sabah (GRS) di peringkat Negeri Sabah yang dipinggirkan menduduki majlis berkenaan.

Menurutnya, sebelum menyertai PPBM, pihaknya dengan kerjasama parti-parti komponen lain termasuk PBS telah menjadi sebahagian

kekuatan calon Barisan Nasional (BN)-UMNO yang memenangi kerusi Parlimen Labuan.

"Kerjasama itu akan terus menjadi kekuatan kepada calon PN atau Muafakat Nasional (MN) pada PRU15 yang bakal diadakan kurang dua tahun dari sekarang," katanya.

Justeru, jelas Jerome adalah penting semua sekutu parti politik dalam kerajaan sekarang diwakili dalam majlis pengambilan keputusan seperti Perbadanan Labuan yang menjadi pihak berkuasa tempatan di sini.

Etnik KDM dalam Majlis Penasihat Perbadanan

Labuan sebelum ini diwakili Datuk Peter Mak dari PBS selama dua penggal dan seterusnya mantan Ketua Bahagian UPKO Datuk Ronald James Majaing selama satu penggal.

Dalam kenyataan Peter sebelum ini, beliau menegaskan, meskipun Menteri Wilayah Persekutuan Tan Sri Annuar Musa berhak membuat keputusan namun komposisi ahli majlis penasihat seharusnya mengambil kira kepelbagaian kaum yang menjadi entiti perniagaan dan politik di Labuan.

"Masyarakat KDM perlu mempunyai wakil kerana etnik itu membentuk kira-kira

15,000 penduduk Labuan yang terlibat dalam perniagaan, baik sebagai usahawan, peniaga, penaja mahupun pekerja pelbagai sektor," katanya.

Anggota majlis penasihat yang mengangkat sumpah ialah Pengerusi Senator Datuk Bashir dari UMNO bersama enam anggota yang terdiri daripada Haji Hamid Zahri (PAS), Datuk Suhaili Abdul Rahman (PPBM), Dayang Raynie Datuk Mohd. Din (NGO), Datuk Wong Kii Yii (Dewan Perniagaan Tionghua), Datuk Dhalif Singh (Dewan Perniagaan India) dan Ghani Yunos (Pegawai Khas Menteri Wilayah).